



MAJLIS ISLAM SARAWAK

**GARIS PANDUAN PENGIMARAHAN MASJID DAN SURAU SEMASA
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI SELURUH NEGERI SARAWAK
TAHUN 2021**

Garis panduan ini dikeluarkan untuk dilaksanakan dalam Negeri Sarawak selaras dengan ketetapan semasa Kerajaan Negeri Sarawak dalam menangani penularan COVID-19. Majlis Islam Sarawak bersetuju memutuskan perkara-perkara berikut:-

1. AKTITIVI-AKTIVITI PENGIMARAHAN MASJID DAN SURAU

BIL	JENIS AKTIVITI	CATATAN
i.	Solat Fardhu Di Masjid & Surau	Tidak Dibenarkan Kepada Awam <ul style="list-style-type: none"> Hanya 5 orang terdiri daripada Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Pengurusan Masjid/Surau dibenarkan hadir dengan mematuhi penjarakan fizikal (1 meter)
ii.	Solat Jumaat Di Masjid & Surau	Tidak Dibenarkan Kepada Awam <ul style="list-style-type: none"> Hanya 15 orang terdiri daripada Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Pengurusan Masjid/Surau Berjumaat dibenarkan hadir dengan mematuhi penjarakan fizikal (1 meter)
iii.	Aktiviti Pengimarah Masjid/Surau seperti Ceramah, Kuliah, Kelas Pengajian dan Lain-Lain	Ditangguh Sementara
iv.	Siaran Langsung ‘Live Streaming’ Melalui Media Sosial	Tidak Dibenarkan Di Masjid & Surau

v.	Pengurusan Jenazah Yang Tiada Kaitan Dengan COVID-19	Dibenarkan di masjid dan surau <ul style="list-style-type: none">• kehadiran tidak melebihi sepuluh (10) orang ahli waris sahaja dengan mematuhi penjarakan fizikal (1 meter)• kehadiran pengaie atau pengurus jenazah adalah dibenarkan dengan bilangan yang sesuai
vi.	Pengkebumian Jenazah Yang Tiada Kaitan Dengan COVID-19	Dibenarkan <ul style="list-style-type: none">• kehadiran tidak melebihi sepuluh (10) orang ahli waris sahaja dan petugas perkuburan dengan mematuhi penjarakan fizikal (1 meter)• kehadiran pengurusan tanah perkuburan adalah dibenarkan dengan bilangan yang sesuai

2. SOP YANG PERLU DIPATUHI OLEH PEGAWAI MASJID DAN JAWATANKUASA PENGURUSAN

- i. Menggunakan pelitup hidung dan mulut (facemask) sepanjang masa
 - ii. Menjalani pengimbasan suhu badan
 - iii. Mendaftar kehadiran melalui Mysejahtera atau buku rekod sebelum masuk ke dalam masjid atau surau
 - iv. Membawa sejadah atau alas sujud sendiri
 - v. Berwudhuk di rumah
 - vi. Tidak bersalaman
 - vii. Tempoh pembukaan masjid atau surau adalah 30 minit sebelum azan (penggunaan pembesar suara dalam tempoh tersebut hanya dibenarkan untuk azan dan bacaan Al-Quran sebelum azan sahaja)
 - viii. Masjid atau surau hendaklah ditutup sejurus selepas wirid dan doa selepas solat oleh Imam (kecuali antara maghrib hingga Isyak)
 - ix. Masjid atau surau hendaklah ditutup untuk semua aktiviti mulai jam 9.00 malam setiap hari.
3. Semua SOP COVID-19 hendaklah dipatuhi sebagaimana yang ditetapkan Lembaga Fatwa Negeri Sarawak, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBN), Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian (JPBB), Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

4. Majlis Islam Sarawak boleh mengubah atau meminda garis panduan ini dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan.
5. Pemakaian garis panduan ini berkuatkuasa **mulai 29 Mei 2021 sehingga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ditamatkan** atau mana-mana arahan lanjut yang ditetapkan oleh Majlis Islam Sarawak.

Arahan

Majlis Islam Sarawak

28 Mei 2021M bersamaan 17 Syawal 1442H